





AKAUN SATELIT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI 2023

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) menyumbang **23.5%** kepada KDNK¹ dengan pertumbuhan **3.9%**

Sumbangan NDKTMK² mengikut industri




¹ Keluaran Dalam Negeri Kasar
² Nilai Ditambah Kasar TMK

NILAI DITAMBAH KASAR E-DAGANG

E-dagang menyumbang **13.6%** kepada KDNK

RM248.2b
2022: RM239.4b

Sumbangan mengikut industri



EKSPORT & IMPORT PRODUK TMK

EKSPORT

Sumbangan
90.9%
2022: 91.2%

8.1%
2022: 7.7%

1.0%
2022: 1.1%

RM430.7b
2022: RM454.2b



RM270.7b
2022: RM313.7b

IMPORT

Sumbangan
84.3%
2022: 87.9%

14.1%
2022: 10.7%

1.6%
2022: 1.4%




GUNA TENAGA INDUSTRI TMK

7.8% guna tenaga terlibat dalam industri TMK





Sumbangan mengikut industri



Sumber: Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2023
Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Sumbangan TMK dan e-dagang kepada ekonomi



Teknologi Maklumat & Komunikasi dan e-dagang menyumbang 23.5 peratus kepada KDNK pada 2023

- Industri TMK dan e-dagang Malaysia menjana RM427.7 bilion pada tahun 2023 dengan sumbangan sebanyak 23.5 peratus kepada KDNK negara berbanding 22.9 peratus atau RM411.6 bilion pada tahun 2022. TMK dan e-dagang berkembang sebanyak 3.9 peratus berbanding 14.3 peratus pada tahun sebelumnya. TMK dan e-dagang terdiri daripada Nilai Ditambah Kasar industri TMK (NDKTMK) dengan sumbangan sebanyak 13.8 peratus dan 9.6 peratus daripada e-dagang dalam industri bukan TMK.
- NDKTMK sebanyak RM252.0 bilion mencatatkan pertumbuhan sebanyak 3.8 peratus berbanding 11.4 peratus pada tahun sebelumnya, disokong oleh perkhidmatan TMK yang menyumbang 41.6 peratus. Ini diikuti oleh pembuatan TMK, perdagangan TMK dan kandungan & media masing-masing menyumbang 38.2 peratus, 14.2 peratus dan 6.0 peratus.
- Nilai Ditambah Kasar e-dagang berjumlah RM248.2 bilion dengan pertumbuhan perlahan sebanyak 3.7 peratus berbanding 19.2 peratus pada tahun sebelumnya. Sumbangan e-dagang kepada KDNK merekodkan 13.6 peratus dengan sektor Pembuatan kekal sebagai penyumbang utama sebanyak 51.8 peratus, diikuti oleh sektor Perkhidmatan sebanyak 45.2 peratus. Manakala sumbangan selebihnya adalah bagi sektor Perlombongan & Pengkuarian, Pertanian dan Pembinaan.
- Eksport produk TMK menyumbang 34.5 peratus kepada eksport Malaysia, bernilai RM430.7 bilion pada tahun 2023 didominasi oleh barangan TMK dengan sumbangan 90.9 peratus.
- Import produk TMK mencatatkan sumbangan 23.4 peratus kepada import negara dengan nilai RM270.7 bilion, disumbangkan oleh barangan TMK sebanyak 84.3 peratus.
- Guna tenaga dalam industri TMK meningkat 1.6 peratus kepada 1.24 juta orang pada tahun 2023, dengan sumbangan sebanyak 7.8 peratus kepada keseluruhan guna tenaga di Malaysia. Guna tenaga ini didominasi oleh pembuatan TMK, 35.6 peratus, diikuti oleh perkhidmatan TMK dan perdagangan TMK dengan masing-masing menyumbang 29.2 peratus dan 22.4 peratus.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI

